

# Negara maju patut bayar cukai korporat

UM - 5/11/2004: 9



DR. MAHATHIR MOHAMAD

**K**UALA LUMPUR 4 Nov. — Negara-negara maju yang mendapat manfaat daripada perdagangan bebas globalisasi, sepatutnya membayar cukai korporat dunia kecil supaya negara-negara miskin boleh disediakan dengan infrastruktur yang mereka perlukan untuk bersaing lebih adil dan saksama.

Dalam membuat saranan ini, bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata tidak dinafikan yang beberapa negara dan pertubuhan akan mendapat kelebihan daripada perdagangan bebas globalisasi dan sehubungan ini, mereka patut membayar cukai.

“Dalam mana-mana negara, perniagaan yang berjaya akan membayar cukai korporat atas keuntungan mereka kepada kerajaan. Cukai itu digunakan untuk melegakan kesengsaraan rakyat paling miskin di dalam negara itu dan juga menye-

diakan infrastruktur yang diperlukan di negara yang kurang maju seperti mana yang terdapat di negara-negara maju,” kata beliau dalam ucapannya di Forum Ekonomi Geo Serantau di Zagreb, Croatia, hari ini.

Teks ucapannya dikeluarkan di sini.

Dr. Mahathir berkata, pembinaan sebenar projek-projek infrastruktur ini boleh dilakukan oleh badan antarabangsa, malah, orang dan negara yang terbabit juga boleh mendapat manfaat daripada pembinaan ini.

“Mereka akan mendapat lebih banyak manfaat bila infrastruktur ini mampu mengurangkan kos import mereka dan memberikan harga yang lebih baik untuk eksport mereka,” kata beliau.

Lambat-laun, negara-negara ini akan berkembang menjadi pasaran-pasaran untuk produk bagi mereka untuk membayar cukai dan

juga kepada yang lain-lain, kata beliau.

Dr. Mahathir berkata, dengan memperkayakan negara-negara miskin ini, negara-negara maju juga sebenarnya turut memperkayakan diri mereka sendiri.

“Dengan cara ini, globalisasi akan memberi manfaat kepada semua orang, setiap negara dan bukan sahaja kepada negara-negara kaya yang mampu berdagang dan melabur. Globalisasi boleh membawa kepada dunia yang lebih adil dan saksama di mana kekayaan dikongsi sama rata,” kata beliau.

Cukai yang dicadangkan untuk dunia atau global tidak perlu tinggi, memadai dengan cukai yang kecil, saran beliau.

Bekas perdana menteri itu berkata, negara-negara asal bagi perniagaan global itu masih lagi akan menikmati cukai mereka.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia sentiasa mengalukan globalisasi.

Pertamanya, beliau berkata, objektif globalisasinya dilihat hanya sebagai perdagangan bebas, pergerakan (aliran) bebas modal dan akses bebas perniagaan ke dalam setiap negara.

“Dunia akan menjadi tiada bersempadan, contohnya, seluruh dunia akan dilayan bagi tujuan perdagangan sebagai satu negara.”

“Setiap negara boleh menjalankan perniagaan di mana-mana negara yang ingin mereka jalankan perdagangan seolah-olah mereka berada di negara asal mereka sendiri,” kata beliau sambil menambah akan terdapatnya saingan yang bebas dan terbuka.

“Jadi, jika kita mahukan perdagangan bebas, saingannya mestilah juga antara entiti dalam kategori yang sama.”

Pertubuhan-pertubuhan besar tidak usahlah bersaing dengan syarikat kecil sementara negara-

negara maju tidak sepatutnya bersaing dengan negara-negara membangun yang kecil, kata Dr. Mahathir.

Jika mereka mahu bersaing, maka, mereka mesti ada kekurangannya kerana ini membuka peluang kejayaan yang lebih sama rata.

“Syarikat-syarikat gergasi mestilah mengencilkan kepentingan. Mereka mestilah membayar penalti seperti cukai tinggi. Negara-negara membangun pula mestilah diberi masa untuk menaik taraf dan memajukan industri mereka, begitu juga dengan bank-bank mereka,” kata beliau.

Beliau berkata, penyelidikan dan pembangunan di negara-negara miskin mestilah diberi subsidi (dibantu) atau diberikan akses yang mudah dan murah ke harta-harta intelektual negara-negara kaya.

Dr. Mahathir berkata, pekerja yang berbakat dan berkemahiran dari negara-ne-

gara miskin patut juga di-kira sebagai “harta-harta intelektual.”

“Menarik mereka keluar dari negara asal mereka patut melibatkan pembayaran royalti kepada negara-negara terbabit. Kita mesti ingat yang negara-negara miskin juga telah membelanjakan wang yang banyak untuk pendidikan rakyat mereka,” kata beliau.

Beliau berkata, adalah tidak adil sama sekali yang akhirnya negara-negara maju juga yang untung kerana mereka akan memilih yang terbaik di kalangan mereka yang berbakat ini. — Bernama